



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 31 Mac 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Jkm Salur RM2.4 Bilion Kepada Lebih 500,000 Penerima Bantuan Pada 2022</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1083866/jkm-salur-rm24-bilion-kepada-lebih-500000-penerima-bantuan-pada-2022">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1083866/jkm-salur-rm24-bilion-kepada-lebih-500000-penerima-bantuan-pada-2022</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/local/nancy-jkm-distributed-rm24-billion-to-over-500000-aid-recipients-in-2022-KI10812459">https://www.thesundaily.my/local/nancy-jkm-distributed-rm24-billion-to-over-500000-aid-recipients-in-2022-KI10812459</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/30/social-welfare-dept-distributed-rm24bil-to-over-500000-aid-recipients-last-year-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/30/social-welfare-dept-distributed-rm24bil-to-over-500000-aid-recipients-last-year-says-nancy</a></p> <p><a href="https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/435499">https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/435499</a></p>	<p><b>Berita Harian</b></p> <p><b>The Sun Daily</b></p> <p><b>The Star</b></p> <p><b>The Malaysian Insight</b></p>	<b>Neutral</b>

	<p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2177550">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2177550</a></p> <p><a href="https://headtopics.com/my/533-000-people-received-welfare-aid-in-2022-says-nancy-the-malaysian-insight-37341878">https://headtopics.com/my/533-000-people-received-welfare-aid-in-2022-says-nancy-the-malaysian-insight-37341878</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/951320/jkm-salur-rm24-bilion-kepada-lebih-500000-penerima-bantuan-pada-2022">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/951320/jkm-salur-rm24-bilion-kepada-lebih-500000-penerima-bantuan-pada-2022</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=5Hf3vzYxUW8">https://www.youtube.com/watch?v=5Hf3vzYxUW8</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-salur-rm2-4-bilion-kepada-lebih-500-000-penerima-bantuan-pada-2022-nancy-413292">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-salur-rm2-4-bilion-kepada-lebih-500-000-penerima-bantuan-pada-2022-nancy-413292</a></p> <p><a href="https://headtopics.com/my/jkm-salur-rm2-4-bilion-kepada-lebih-500-000-penerima-bantuan-pada-2022-harian-metro-37337566">https://headtopics.com/my/jkm-salur-rm2-4-bilion-kepada-lebih-500-000-penerima-bantuan-pada-2022-harian-metro-37337566</a></p> <p><a href="https://newsway.com/article/jkm-salur-rm2-4-bilion-kepada-lebih-500-000-penerima-A2303_RbfBU9">https://newsway.com/article/jkm-salur-rm2-4-bilion-kepada-lebih-500-000-penerima-A2303_RbfBU9</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/dewan-rakyat-permohonan-bantuan-jkm-bertambah-setiap-tahun/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/dewan-rakyat-permohonan-bantuan-jkm-bertambah-setiap-tahun/</a></p>	<p>Bernama</p> <p>Head Topics</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Star</p> <p>Astro Awani</p> <p>Head Topics</p> <p>Newsway</p> <p>Kosmo</p>	
2	<p><b>Parlimen: JKM Tidak Sewenangnyanya Hentikan Bantuan Kebajikan – Nancy</b></p> <p><a href="https://tvstv.my/2023/03/30/parlimen-jkm-tidak-sewenangnyanya-hentikan-bantuan-kebjikan-nancy/">https://tvstv.my/2023/03/30/parlimen-jkm-tidak-sewenangnyanya-hentikan-bantuan-kebjikan-nancy/</a></p>	<p>TVSTV</p>	Neutral
3	<p><b>Bantuan Tanpa Tunai Jkmpay Dimansuh</b></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/30/bantuan-tanpa-tunai-jkmpay-dimansuh/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/30/bantuan-tanpa-tunai-jkmpay-dimansuh/</a></p>	<p>FMT</p>	Neutral
4	<p><b>18 Gelandangan Ditahan Dalam Op Pembersihan Gelandangan</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/03/30/18-gelandangan-ditahan-dalam-op-pembersihan-gelandangan/">https://malaysiagazette.com/2023/03/30/18-gelandangan-ditahan-dalam-op-pembersihan-gelandangan/</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
5	<p><b>Ramadan Sederhana Dua Beranak OKU</b></p>		Neutral

	<a href="https://malaysiapost.com.my/2023/03/30/ramadan-sederhana-dua-beranak-oku/amp/">https://malaysiapost.com.my/2023/03/30/ramadan-sederhana-dua-beranak-oku/amp/</a>	Malaysia Post	
6	<p><b>Kanak-Kanak Terkunci Kereta Ibu Di Stesen Minyak</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kanak-kanak-terkunci-kereta-ibu-di-stesen-minyak/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kanak-kanak-terkunci-kereta-ibu-di-stesen-minyak/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/252223/berita/s-emas/kanak-kanak-tiga-tahun-terperangkap-dalam-kereta">https://www.sinarharian.com.my/article/252223/berita/s-emas/kanak-kanak-tiga-tahun-terperangkap-dalam-kereta</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/kanak-kanak-terkunci-kereta-ibu-di-stesen-minyak/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/kanak-kanak-terkunci-kereta-ibu-di-stesen-minyak/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p>	Neutral
7	<p><b>Dahulu Periang, Kini Iman Nur Zara Seperti Bayi</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/dahulu-periang-kini-iman-nur-zara-seperti-bayi/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/dahulu-periang-kini-iman-nur-zara-seperti-bayi/</a></p>	Utusan	Neutral
8	<p><b>Wanita Demam Seminggu, Rupanya Hidap Kanser Darah</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/31/wanita-demam-seminggu-rupanya-hidap-kanser-darah/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/31/wanita-demam-seminggu-rupanya-hidap-kanser-darah/</a></p>	Kosmo	Neutral
9	<p><b>Akauntan Wanita Rugi RM48,560 Ditipu Sindiket Pinjaman Wang</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1083927/akauntan-wanita-rugi-rm48560-ditipu-sindiket-pinjaman-wang">https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1083927/akauntan-wanita-rugi-rm48560-ditipu-sindiket-pinjaman-wang</a></p>	Berita Harian	Neutral
10	<p><b>Dadah: Penganggur, Ibu Tunggal Berdepan Tali Gantung</b></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/dadah-penganggur-ibu-tunggal-berdepan-tali-gantung/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/dadah-penganggur-ibu-tunggal-berdepan-tali-gantung/</a></p>	Buletin TV3	Neutral
11	<p><b>Dua Beranak Daif Harapkan Bantuan Untuk Kelangsungan Hidup</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/03/1083664/dua-beranak-daif-harapkan-bantuan-untuk-kelangsungan-hidup">https://www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/03/1083664/dua-beranak-daif-harapkan-bantuan-untuk-kelangsungan-hidup</a></p>	Berita Harian	Neutral

	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/951240/buta-sebelah-mata-pekak-tak-halang-ibu-besarkan-anak-oku">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/951240/buta-sebelah-mata-pekak-tak-halang-ibu-besarkan-anak-oku</a>	Harian Metro	
12	<p><b>Warga Emas Tak Mampu Berjalan Ditinggalkan Anak</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-tak-mampu-berjalan-ditinggalkan-anak-413334">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-tak-mampu-berjalan-ditinggalkan-anak-413334</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/252173/berita/s-emas/warga-emas-tak-mampu-berjalan-ditinggalkan-anak">https://www.sinarharian.com.my/article/252173/berita/s-emas/warga-emas-tak-mampu-berjalan-ditinggalkan-anak</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
13	<p><b>Pejalan Kaki Warga Emas Maut Dilanggar Lari Di Jalan Lanang</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/30/pejalan-kaki-warga-emas-maut-dilanggar-lari-di-jalan-lanang">https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/30/pejalan-kaki-warga-emas-maut-dilanggar-lari-di-jalan-lanang</a></p>	Utusan Borneo	Neutral
14	<p><b>Lelaki Warga Emas Hilang Ketika Memukat Dijumpai Terapung</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/lelaki-warga-emas-hilang-ketika-memukat-dijumpai-terapung/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/lelaki-warga-emas-hilang-ketika-memukat-dijumpai-terapung/</a></p>	Kosmo	Neutral
15	<p><b>Lelaki OKU Hilang Selepas Keluar Dari Rumah</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/951596/lelaki-oku-hilang-selepas-keluar-dari-rumah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/951596/lelaki-oku-hilang-selepas-keluar-dari-rumah</a></p>	Harian Metro	Neutral
16	<p><b>1,417 Usahawan OKU Terima Pembiayaan Tekun Nasional RM15.8 Juta Bagi Tempoh 2012-2022</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/30/1417-usahawan-oku-terima-pembiayaan-tekun-nasional-rm158-juta-bagi-tempoh-2012-2022">https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/30/1417-usahawan-oku-terima-pembiayaan-tekun-nasional-rm158-juta-bagi-tempoh-2012-2022</a></p>	Utusan Borneo	Neutral

## **JKM SALUR RM2.4 BILION KEPADA LEBIH 500,000 PENERIMA BANTUAN PADA 2022**

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1083866/jkm-salur-rm24-bilion-kepada-lebih-500000-penerima-bantuan-pada-2022>

**Sumber : Berita Harian**



KUALA LUMPUR: Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyalurkan sejumlah RM2.4 bilion kepada 533,167 penerima pelbagai jenis bantuan kebajikan di seluruh negara sepanjang 2022.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata trend permohonan bantuan berkenaan bertambah saban tahun dengan peningkatan ketara ketika kemuncak penularan COVID-19, pada 2020 dan 2021.

"Pada 2022 sahaja sebanyak 148,699 permohonan baharu bantuan diterima JKM. Jika trend ini berlanjutan, ini boleh memberi tanggungan dan beban tinggi untuk negara pada masa hadapan.

"Justeru, kita perlu mencari jalan penyelesaian terbaik dalam memastikan pihak memerlukan mendapat bantuan dan terus dibantu serta pada masa sama tidak menekan implikasi kewangan negara," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Wetrom Bahanda (KDM-Kota Marudu) mengenai sama ada kerajaan berhasrat untuk menaikkan jumlah bantuan JKM selaras kenaikan harga barang dan kos sara hidup serta tindakan kerajaan bagi penerima bantuan ditamatkan bantuan dengan alasan pegawai penilai bahawa ada anak penerima yang bekerja.

Nancy berkata, sebahagian daripada kadar bantuan telah pun dinaikkan setakat 2021, antaranya bantuan kanak-kanak, bantuan warga emas, elaun pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) tidak berupaya bekerja, dan bantuan penjagaan OKU atau pesakit kronik terlantar.

Bagaimanapun, katanya, bantuan kerajaan diberikan adalah bersifat sementara bagi meringankan beban kewangan dialami penerima bantuan dan untuk kelangsungan hidup, bukannya untuk menanggung mereka.

"Bagi mereka yang keadaan kewangan, kehidupan dan pendapatan telah menjadi lebih baik, mereka tidak perlu lagi terima bantuan ini," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (PN-Maran) berhubung langkah kerajaan dalam menyelesaikan isu permohonan bantuan JKM yang semakin bertambah, Nancy berkata, kerajaan komited membantu penerima bantuan untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Nancy berkata sejak 2016, JKM telah melaksanakan program '2 Years Exit Programme' (2YEP) bagi membantu penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari melalui pembelajaran pelbagai kemahiran kehidupan dan memperkasakan pembangunan klien produktif dalam tempoh dua tahun.

"Hasratnya adalah meningkatkan jumlah klien yang berjaya ditamatkan bantuan kerana mampu berdikari dan keluar daripada kepompong kemiskinan. Setakat ini seramai 6,500 penerima bantuan telah menyertai program ini dengan kira-kira 1,500 telah berjaya keluar daripada memerlukan bantuan kebajikan," katanya. – BERNAMA

## **PARLIMEN: JKM TIDAK SEWENANGNYA HENTIKAN BANTUAN KEBAJIKAN – NANCY**

<https://tvstv.my/2023/03/30/parlimen-jkm-tidak-sewenangnya-hentikan-bantuan-kebajikan-nancy/>

**Sumber : TVSTV**



KUALA LUMPUR, 30 Mac: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) meneliti pelbagai faktor sebelum menamatkan bantuan kebajikan yang diberikan, Dewan Rakyat dimaklumkan hari ini.

Menteri Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, sekiranya JKM mendapati terdapat anak penerima telah bekerja, pihaknya akan turut melihat aspek lain.

Kata beliau, bantuan akan diteruskan sekiranya pendapatan yang diterima masih belum mampu menanggung keluarga mereka.

“Namun demikian, saya ingin menjelaskan bahawa bantuan yang disediakan oleh kerajaan ini bersifat sementara bukan untuk tanggung mereka, sekiranya kehidupan lebih baik, maka tidak perlu lagi terima,” katanya.

Nancy berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Wetrom Bahanda (KDM – Kota Marudu) yang ingin tahu kaedah penilaian digunakan JKM sebelum menamatkan bantuan kebajikan bagi anak penerima yang bekerja namun pendapatan masih kecil.

Sementara itu, Nancy turut memaklumkan kerajaan telah menaikkan kadar bantuan pada 2021.

Jelasnya, antara yang ditambah ialah bantuan kanak – kanak, warga emas, elaun pekerja orang kurang upaya (OKU), bantuan OKU tidak berupaya bekerja dan pesakit kronik.

“JKM telah menyalurkan bantuan mencecah RM2.4 bilion pada tahun lepas kepada 533 167 penerima di seluruh negara,” katanya.

Pada masa sama, Nancy menjelaskan, pihaknya mengesan peningkatan permohonan bantuan dengan kemuncaknya pada 2020 dan 2021 ketika penularan COVID-19.

“Pada tahun lepas, JKM menerima sebanyak 148 699 permohonan baharu dan jika trend ini terus berlarutan, ia akan memberi beban kepada kewangan negara pada masa depan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan, beberapa program dilaksanakan JKM berjaya mengeluarkan penerima daripada kepompong kemiskinan.

“Pada tahun lepas, seramai 4,921 org penerima bantuan telah berdikari dan hampir 3,000 penerima juga tidak lagi memerlukan bantuan kerajaan pada 2021,” katanya. -TVS

## BANTUAN TANPA TUNAI JKMPAY DIMANSUH

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/30/bantuan-tanpa-tunai-jkmpay-dimansuh/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memutuskan untuk tidak meneruskan skim bayaran bantuan kewangan tanpa tunai atau JKMPay.

Menterinya, Nancy Shukri berkata, semua penerima bantuan terbabit dalam projek rintis itu akan menerima bayaran yang disalurkan sepenuhnya melalui akaun bank mereka mulai bulan ini.

“Selepas tujuh bulan pelaksanaan program rintis JKMPay ini, Kajian Keberkesanan Projek Rintis Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai @JKMPay dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menilai semula pelaksanaan projek ini.

“Melalui dapatan kajian tersebut, KPWKM memutuskan untuk tidak meneruskan program rintis JKMPay pada masa ini,” katanya menjawab pertanyaan Riduan Rubin (Bebas-Tenom) di Dewan Rakyat, sama ada KPWKM bercadang meneruskan JKMPay kerana ia dilihat tidak mesra pengguna, khasnya bagi penduduk luar bandar.

Nancy berkata, pelaksanaan projek rintis itu hanya membabitkan penerima bantuan kelulusan baharu JKM, bukannya penerima sedia ada.

JKMPay dilaksanakan mulai 1 Feb 2021 yang menyaksikan 50% daripada jumlah bantuan JKM disalurkan ke akaun Bank Islam penerima dan bakinya dimasukkan dalam kad tanpa tunai JKMPay.

## 18 GELANDANGAN DITAHAN DALAM OP PEMBERSIHAN GELANDANGAN

<https://malaysiagazette.com/2023/03/30/18-gelandangan-ditahan-dalam-op-pembersihan-gelandangan/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUANTAN – Seramai 18 individu gelandangan ditahan semasa pelaksanaan Operasi Pembersihan Gelandangan di bandar raya ini.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, tiga gelandangan telah didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuantan.

Menurutnya seramai 60 orang anggota polis Balai Kuantan dengan dibantu agensi-agensi kerajaan telah menjalankan Ops Bersepadu pembersihan gelandangan, pengemis dan orang kurang siuman bagi Zon Kuantan.

Operasi tertumpu dikawasan Masjid Sultan Ahmad Shah 1, Bazar Ramadhan Taman Kerang, Bazar Ramadhan Stadium, Pasar Besar Kuantan, Jalan Wong Ah Jang, Jalan Tun Ismail serta kawasan Benteng.

“Kesemua orang yang ditahan telah dibawa balik ke Bilik Anggerik IPD Kuantan bagi tujuan dokumentasi dan untuk rujukan kepada pihak agensi yang berkenaan bagi tindakan selanjutnya.

“Seorang lelaki warganegara Rohingya tiada pengenalan diri telah ditahan oleh pihak Imigresen Negeri Pahang untuk dibawa ke Depot Imigresen,” katanya ketika dihubungi.

Tambah Wan Zahari, seorang lelaki ditelah diambil tindakan di bawah Seksyen 22 Enakmen tidak menghormati Ramadan kesalahan jenayah Syariah tahun 2023 Negeri Pahang.

Seorang lagi dibawa untuk ujian saringan air kencing dan didapati negatif dari sebarang penyalahgunaan dadah. – MalaysiaGazette

## RAMADAN SEDERHANA DUA BERANAK OKU

<https://malaysiapost.com.my/2023/03/30/ramadan-sederhana-dua-beranak-oku/amp/>

Sumber : Malaysia Post



MASALAH kesihatan menyaksikan dua beranak berstatus orang kurang upaya (OKU) terpaksa menjalani kehidupan secara sederhana.

Norhayati Mustafa, 62, dan anaknya, Ahmad Khairul Ahmad, 35, menyewa rumah di Kampung SC, dekat Kuantan, Pahang dan mengharapkan ihsan orang ramai bagi menampung perbelanjaan harian.

Norhayati mula berdepan masalah kesihatan pada tahun 2014 selepas terjatuh di tempat kerja lamanya di bandar raya ini.

“Akibat insiden itu, saya terpaksa menjalani pembedahan pada bahagian kepala kerana terdapat pendarahan dalam otak.

“Saya kemudiannya mengalami serangan angin ahmar dan lumpuh sebelah badan.

“Keadaan kesihatan beransur pulih selepas menjalani rawatan fisioterapi, namun sampai sekarang mata dan telinga saya sebelah kiri tidak berfungsi,” katanya ketika ditemui di hari ini.

Norhayati berkata, Ahmad Khairul pula terpaksa menjalani pembedahan dan memotong kaki sebelah kanan akibat kencing manis.

“Kaki dia kena potong sebab keadaan penyakit semakin kritikal, dia memang menghidap kencing manis sejak kecil,” katanya lagi.

Dia memaklumkan ada menerima bantuan zakat dari pejabat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) sebanyak RM200 sebulan.

Katanya, wang itu digunakan bagi membayar sewa rumah yang mereka diami ketika ini.

“Anak saya pun baru terima kad OKU dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang awal bulan ini dan kami masih menunggu (keputusan) permohonan bantuan bulanan daripada JKJ,” katanya.

Ditanya mengenai persiapan menyambut Aidilfitri, Norhayati berkata, perkara itu tidak pernah terlintas dalam fikirannya kerana menyedari dia tidak berkemampuan.

“Dah bertahun kami tak buat apa-apa (persiapan), kalau dapat baju baru pun sebab ada jiran atau orang ramai sedekah,” katanya.

Orang ramai yang ingin membantu dan menyalurkan bantuan kepada keluarga ini boleh menghubungi talian 011-25714064 (Norhayati) untuk mendapatkan maklumat lanjut. – Malaysiapost

## **KANAK-KANAK TERKUNCI KERETA IBU DI STESEN MINYAK**

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kanak-kanak-terkunci-kereta-ibu-di-stesen-minyak/>

**Sumber : Utusan**



**KUALA SELANGOR:** Seorang kanak-kanak perempuan terperangkap dalam kereta ibunya selepas tertekan tombol kunci pintu di sebuah stesen minyak di [Teluk Piah](#) di sini, semalam.

Kejadian kira-kira pukul 2.50 petang itu berlaku ketika mangsa berusia tiga tahun dipercayai bersendirian dalam kereta Proton Wira tersebut.

Pengarah Bomba Selangor, [Morni Mamat](#) berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pukul 2.52 petang.

“Setibanya di lokasi, kanak-kanak itu didapati masih terkunci dalam kereta berkenaan. Pintu itu terkunci selepas mangsa menekan tombol kunci pintu dalam keadaan enjin tidak dihidupkan,” katanya dalam satu kenyataan, malam tadi.

Tambah Morni, mangsa dipercayai terkunci lebih lima minit sebelum diselamatkan bomba.

“Anggota kita berjaya membuka pintu kereta itu dengan menggunakan peralatan khas. Mangsa tidak mengalami kecederaan dan diserahkan kepada keluarganya,” ujarnya. – [UTUSAN](#)

## DAHULU PERIANG, KINI IMAN NUR ZARA SEPERTI BAYI

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/dahulu-periang-kini-iman-nur-zara-seperti-bayi/>

Sumber : Utusan



KOTA TINGGI: Kehidupan riang seorang kanak-kanak di Felda Air Tawar 3, Iman Nur Zara Noor Firdaus, 9, di sini, bertukar sekelip mata selepas diserang penyakit genetik yang menjadikannya seperti bayi semula. Iman Nur Zara sempat merasai alam persekolahan dengan menyertai kelas literasi ketika usianya empat tahun sebelum keadaan kesihatannya merosot. Ibunya, Maslinda Bagiran, 39, berkata, anak kedua daripada tiga beradik...

## WANITA DEMAM SEMINGGU, RUPANYA HIDAP KANSER DARAH

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/31/wanita-demam-seminggu-rupanya-hidap-kanser-darah/>

Sumber : Kosmo



KOTA TINGGI – Seorang wanita di Felda Air Tawar 2 di sini tidak menyangka demam berpanjangan yang dialaminya sehingga terpaksa berhenti kerja sebelum ini rupanya petanda dia menghidap kanser darah.

Noreha Kamis, 53, berkata, dia disahkan menghidap leukemia sejak tahun 2021 di saat negara sedang berdepan penularan pandemik Covid-19.

Katanya, sejak itu kesihatannya merundum sehingga terpaksa berbaring di rumah kerana tidak boleh duduk terlalu lama atau melakukan kerja berat.

“Sebelum saya dapat tahu hidap kanser, saya bekerja di bandar Kota Tinggi sebagai jurujual, namun ketika itu saya terpaksa kerap cuti kerana sering demam, petang sahaja badan mula rasa demam.

“Berbelas tahun saya bekerja di situ, tetapi apabila sering mengambil cuti sakit, saya jadi segan dengan kawan-kawan dan terus berhenti kerja,” katanya ketika ditemui di Felda Air Tawar 2 di sini baru-baru ini.

Noreha memberitahu, dia diminta melakukan pemeriksaan darah di Hospital Kota Tinggi selepas seminggu mengalami demam.

Katanya, selepas doktor mendapat keputusan darah dan mengesahkannya menghidap kanser darah, dia kemudian dirujuk ke Hospital Sultan Ismail (HSI)

“Seminggu saya ditahan di wad, belakang saya juga ditebuk untuk doktor dapatkan air tulang sumsum,” ujarnya.

Ibu tiga anak itu berkata, ekoran keadaan kesihatannya itu, suaminya, Nor Salim Amat Tamyas, 57, yang mengambil alih membantu melakukan semua kerja rumah termasuklah memasak.

Katanya, suami yang mencari rezeki dengan menjual martabak di Felda itu kini tidak dapat berniaga sepenuh masa kerana perlu menjaganya.

“Saya ada mengambil ubat tambahan berharga RM1,000 sebulan yang sangat membantu dari segi kesihatan saya. Saya pernah terputus bekalan ubat itu kerana tiada wang dan akibatnya kesihatan terus merundum dengan teruk.

“Kos ulang-alik ke hospital memakan belanja kira-kira RM300 sebulan. Pihak wakil rakyat sedang membantu saya untuk permohonan Baitulmal. Saya amat berharap jika dapat diluluskan dapat meringankan beban kami,” katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun milik Noreha iaitu Bank Rakyat 22-4766994-3.

## **AKAUNTAN WANITA RUGI RM48,560 DITIPU SINDIKET PINJAMAN WANG**

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1083927/akauntan-wanita-rugi-rm48560-ditipu-sindiket-pinjaman-wang>

**Sumber : Berita Harian**



SIBU: Seorang akauntan wanita di sini, kerugian RM48,560 selepas diperdaya sindiket pinjaman wang secara dalam talian.

Ketua Polis Daerah SibU, Asisten Komisioner Zulkipli Suhaili, berkata kejadian berlaku apabila wanita tempatan berusia 30 tahun itu yang ingin membuat pinjaman wang RM20,000 tertarik dengan tawaran sebuah syarikat pinjaman wang di laman Google.

Beliau berkata, mangsa yang bekerja sebagai akauntan di sebuah syarikat swasta bagaimanapun diperdaya suspek yang menyamar sebagai ejen peminjam wang di laman web terbabit.

"Mangsa membuat 12 kali transaksi bayaran berjumlah RM48,560 ke dalam lima akaun bank melalui perbankan internet dan CDM mulai 28 Mac lalu bagi urusan proses pinjaman seperti dokumen perbankan, pendaftaran, yuran pemprosesan dan pembayaran cukai bagi kelulusan segera.

"Mangsa juga dijanjikan pulangan semula wang selepas mendapat kelulusan pinjaman.

"Bagaimanapun, selepas membuat semua pembayaran diminta, mangsa masih digesa membuat beberapa lagi pembayaran bagi tujuan pengeluaran semua wang dijanjikan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Zulkipli berkata, mangsa yang berasa curiga kemudian membuat laporan polis, kelmarin.

Justeru, beliau berkata bagi mengelak menjadi mangsa penipuan scammer, orang ramai dinasihatkan merujuk kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 dan ikuti laman Facebook @CyberCrimeAlertRMP @JSJKPDRM.

Selain itu, katanya, semakan pengesahan akaun bank dan nombor telefon yang diragui juga boleh dibuat melalui laman sesawang <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>

## **DADAH: PENGANGGUR, IBU TUNGGAL BERDEPAN TALI GANTUNG**

<https://www.buletintv3.my/mahkamah/dadah-penganggur-ibu-tunggal-berdepan-tali-gantung/>

**Sumber : Buletin TV3**



GUA MUSANG: Seorang penganggur dan ibu tunggal warga Filipina berdepan hukuman gantung apabila dihadapkan ke Mahkamah Majistret Gua Musang, hari ini atas pertuduhan mengedar dadah jenis kanabis seberat 34 kilogram di kilometer 8, Jalan Gua Musang – Kuala Lipis, 19 Mac lalu.

Tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh, Aliuddin Abdul Aziz, 23 dan Sherly Gutierrez, 46 kerana masih menunggu laporan kimia.

Hakim, Tengku Shahrizam Tuan Lah menetapkan 25 Mei depan sebutan semula kes.



Tiada jaminan ditawarkan dan tertuduh kemudian dihantar ke Penjara Pengkalan Chepa.

Pertuduhan dikendalikan Pegawai Pendakwa, Nurul Farehah Ramli, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39B (2) akta sama dan jika disabit kesalahan berdepan hukuman mati mandatori.

19 Mac lalu, polis menemui 34 kilogram ganja mampat bernilai RM85,000 di tempat duduk belakang kereta jenis Perodua Axia dalam operasi `snapcheck` di kilometer 8, Jalan Gua Musang – Kuala Lipis.

## DUA BERANAK DAIF HARAPKAN BANTUAN UNTUK KELANGSUNGAN HIDUP

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/03/1083664/dua-beranak-daif-harapkan-bantuan-untuk-kelangsungan-hidup>

Sumber : Berita Harian



KUANTAN: Kedaifan hidup, memaksa dua beranak mengharungi Ramadan ini dalam serba kekurangan, selain mengharap ihsan orang ramai untuk kelangsungan hidup harian.

Ibu tunggal, Norhayati Mustafa, 62, yang buta sebelah mata serta pekak sebelah telinga, terpaksa pula menjaga anaknya, Ahmad Khairul Ahmad, 35, yang juga orang kurang upaya (OKU).

Norhayati berkata, dia tidak dapat bekerja disebabkan keadaan kesihatannya, manakala Ahmad Khairul pula menganggur sejak kaki kanannya dipotong tiga tahun lalu.

Menceritakan mengenai kesihatan dirinya, Norhayati berkata, dia pernah terjatuh di tempat kerja pada tahun 2014 sehingga perlu dibedah di bahagian kepala berikutan mengalami pendarahan dalam otak.

"Disebabkan itu juga saya mengalami 'strok' sebelah badan namun bernasib baik apabila beransur pulih selepas membuat fisioterapi di rumah, namun mata kanan dan telinga kanan saya kini tidak berfungsi.

"Manakala anak pula, dia memang menghidap kencing manis sejak lahir lagi dan pada tahun 2020, kaki kanannya luka serta dijangkiti kuman sehingga terpaksa dipotong.

"Dalam tempoh lima bulan, kaki kanannya itu terpaksa dipotong sebanyak lima kali sehingga ke paras bawah lutut dan syukur jangkitan kuman tidak lagi merebak," katanya yang tinggal di rumah sewa yang agak daif di Kampung SC, di sini.

Norhayati berkata, dia ada menerima bantuan zakat daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) sebanyak RM200 sebulan yang digunakan untuk membayar sewa rumah.

"Anak saya baru sahaja mendapat kad OKU daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada awal bulan ini dan sedang menunggu permohonan bantuan bulanan dari jabatan berkenaan," katanya.

Ditanya mengenai persiapan raya nanti, Norhayati memberitahu, dia tidak membeli sebarang kelengkapan raya sejak beberapa tahun lalu tetapi hanya memakai baju raya yang disedekahkan kepada mereka.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menghubungi Norhayati menerusi telefon 011-2571 4064 atau menyumbang menerusi akaun Maybank miliknya (156012347585)

## **WARGA EMAS TAK MAMPU BERJALAN DITINGGALKAN ANAK**

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-tak-mampu-berjalan-ditinggalkan-anak-413334>

**Sumber : Astro Awani**



**SHAH ALAM:** Hantaran video TikTok seorang wanita mendapat perhatian ramai selepas memaparkan keadaan individu dipercayai bapanya yang didakwa telah ditinggalkan oleh adik-beradiknya.

Menerusi hantaran video itu, wanita berkenaan juga menyatakan bapanya sudah tidak mampu berjalan kerana mengalami masalah kesihatan.

Menurut wanita itu, bapanya ditemui dalam keadaan duduk menunggu bersama sebuah beg pakaian di bawah kediamannya.

Tambahnya, dia mengetahui ayahnya berada di kawasan kediamannya selepas diberitahu pengawal keselamatan.

"Pengawal datang ketuk pintu rumah dan beritahu ayah saya ada dekat bawah sudah hampir sejam," katanya.

Tambah wanita itu, hantaran itu bukan bermaksud ingin mendapatkan perhatian daripada orang ramai sebaliknya hanya bertujuan menjadikan pelajaran.

Video itu turut menerima pelbagai komentar daripada netizen yang rata-rata kesal dengan tindakan berkenaan. -*Sinar Harian*

## **PEJALAN KAKI WARGA EMAS MAUT DILANGGAR LARI DI JALAN LANANG** <https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/30/pejalan-kaki-warga-emas-maut-dilanggar-lari-di-jalan-lanang>

**Sumber : Utusan Borneo**



SIBU: Seorang pejalan kaki warga emas maut dipercayai menjadi mangsa kes langgar lari di Jalan Lanang pada malam Rabu.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata, mangsa berumur 72 tahun itu dikatakan sedang melintas jalan apabila dilanggar sebuah kenderaan yang tidak dikenal pasti nombor plat pendaftarannya dalam insiden pada jam 9.30 malam.

"Kejadian itu berlaku ketika mangsa yang sedang melintas jalan telah bergesel dengan sebuah kenderaan kemudian terjatuh dan dilanggar oleh sebuah kereta yang tidak pasti nombor plat pendaftaran dari arah lorong kanan sebelum pemandu kenderaan terbabit terus melarikan diri dari tempat kejadian," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, mangsa yang mengalami cedera parah di bahagian kepala disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Mayat mangsa kemudiannya dibawa oleh pihak polis ke Hospital Sibu untuk tindakan lanjut.

Zulkipli berkata, pihaknya sedang memburu suspek dan meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian untuk tampil ke balai polis berdekatan atau menghubungi pegawai penyiasat Inspektor Mohd Salman Zulfitri Sheekandar menerusi talian 013-9999269.

Kes tersebut katanya, disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

**LELAKI WARGA EMAS HILANG KETIKA MEMUKAT DIJUMPAI TERAPUNG**  
<https://www.kosmo.com.my/2023/03/30/lelaki-warga-emas-hilang-ketika-memukat-dijumpai-terapung/>

**Sumber : Kosmo**



JULAU – Lelaki warga emas yang hilang ketika memasang pukot di tepi Sungai Kanowit, Kubu Brooke, Nanga Meluan di sini pada Selasa lalu dijumpai terapung, hari ini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Sarawak berkata mayat mangsa dijumpai oleh penduduk kampung dan pasukan penyelamat yang menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) pada hari ketiga.

“Mayat mangsa dijumpai kira-kira pukul 11.26 pagi pada jarak dua kilometer dari Pos Kawalan Bomba,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, mayat Arim Badok, 70, telah diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

Pesara guru itu dilaporkan hilang pada 28 Mac lepas ketika memasang pukot di tepi Sungai Kanowit.

Menurut saksi yang merupakan rakan mangsa, kejadian berlaku kira-kira pukul 6.30 petang dan kali terakhir mangsa dilihat berpaut pada bandi pada jarak 30 meter darinya.

Rakan mangsa itu cuba mencari dan menyelamatkannya tetapi tidak berjaya dan seterusnya menghubungi bomba untuk bantuan. – KOSMO! ONLINE

## LELAKI OKU HILANG SELEPAS KELUAR DARI RUMAH

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/951596/lelaki-oku-hilang-selepas-keluar-dari-rumah>

Sumber : Harian Metro



Melaka: Polis Daerah Melaka Tengah memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) yang dilaporkan hilang sejak tiga minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, pihaknya menerima laporan dibuat ibu mangsa (pengadu) pada 20 Mac lalu, jam 1.59 tengah hari.

Menurutnya, berdasarkan laporan, pengadu menyatakan anaknya yang dikenali sebagai Mohd Jamalilah Mohd Riskhan, 36, keluar dari rumah mereka di No 14 E/F Loring 6, Jalan Perawan Taman Bukit Rambai, pada 15 Mac lalu, kira-kira 8 pagi tanpa pengetahuannya.

"Pengadu ada menghubungi keluarganya dan keluarga mentua untuk bertanyakan anaknya yang juga pemegang kad OKU kategori masalah pembelajaran (lembam) dan pertuturan tidak jelas, namun mereka tidak mengetahui di mana dia berada.

"Pengadu turut mencari di sekitar taman serta bertanya kepada penduduk, namun hampa menyebabkan dia bimbang keselamatan anaknya," katanya dalam kenyataan di sini.

Christopher berkata, anak pengadu tidak memiliki telefon bimbit untuk dihubungi dan dikatakan memakai seluar pendek kelabu dan baju-T berwarna kuning.

"Rambutnya hitam pendek, kulit hitam manis, badan gempal dan berjambang dengan anggaran ketinggian 157 sentimeter.

"Pengadu juga menyatakan anaknya sebelum ini kerap keluar rumah, namun akan pulang semula," katanya.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan Mohd Jamalilah diminta menghubungi Sarjan Mejar Abd Ghani di talian 013-9775519 atau Balai Polis Batang Tiga di talian 06-3152222.

## **1,417 USAHAWAN OKU TERIMA PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL RM15.8 JUTA BAGI TEMPOH 2012-2022**

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/30/1417-usahawan-oku-terima-pembiayaan-tekun-nasional-rm158-juta-bagi-tempoh-2012-2022>

### **Sumber : Utusan Borneo**

KUALA LUMPUR: Sebanyak 1,417 usahawan Orang Kurang Upaya (OKU) menerima pembiayaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional sebanyak RM15.8 juta sejak 2012 hingga tahun lepas, persidangan Dewan Negara diberitahu hari ini.

Menurut Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), pembiayaan yang ditawarkan adalah dari RM1,000 sehingga RM100,000 dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun dan kadar keuntungan dikenakan sebanyak empat peratus setahun.

“Pada Ogos 2022, skim kemudahan pembiayaan kepada OKU telah ditambah baik dengan usahawan hanya dikenakan kadar keuntungan sebanyak dua peratus setahun sahaja dengan moratorium selama 12 bulan bagi pembiayaan sehingga RM10,000.

“Sebanyak 23 usahawan OKU dengan pembiayaan bernilai RM162,000 telah mendapat manfaat melalui skim ini,” jelasnya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen Malaysia pada Khamis.

Kementerian berkata demikian bagi menjawab soalan Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi berhubung jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh TEKUN kepada peniaga OKU sejak 2012-2022 dan inisiatif yang dilaksanakan KUSKOP bagi meningkatkan penglibatan OKU dalam aktiviti perniagaan dan perusahaan kecil dan sederhana.

Selain itu, kementerian juga telah melaksanakan Program Usahawan Berkebolehan dan Berkeyakinan sejak 2021 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM790,000 untuk memberi latihan, bimbingan dan geran perniagaan kepada golongan OKU. - BERNAMA